

01/07/2003

Suara Dr Mahathir dapat perhatian G8

PENYERTAAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Sidang Kemuncak Kumpulan 8 (G8) di Evian, Perancis, awal bulan ini membolehkan Malaysia menyetujui pandangan dan pendirian negara membangun berhubung pelbagai isu antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata kehadiran Perdana Menteri sebagai Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) juga meningkatkan imej serta menunjukkan kemampuan Malaysia memimpin negara membangun.

"Sempena mesyuarat itu, Perdana Menteri mengutus surat kepada Presiden Jacques Chirac bagi mengemukakan pandangan dan pendirian NAM mengenai isu berkepentingan," katanya menjawab soalan Senator Datuk Dr Chin Fook Weng.

Toyad berkata, dalam perbincangan mengenai isu perdagangan dan kewangan antarabangsa, Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) memuji kaedah Malaysia menangani krisis kewangan sebelum ini.

"Sehubungan itu, adalah sesuatu yang amat signifikan dan membanggakan apabila dalam mesyuarat itu IMF memuji langkah kerajaan menyusun semula sistem kewangan negara yang boleh dijadikan model bagi negara membangun lain," katanya.